



TEMA 2

KELUARGA



Hasilnya, anda akan dapat belajar mengenai,

- ✓ **Panggilan atau gelaran dalam keluarga**
- ✓ **Cara memperkenalkan ahli keluarga**
- ✓ **Perbualan sesama ahli keluarga**

KELUARGA



[\(https://harakahdaily.net/index.php/2020/10/23/indahnya-keluarga-gerakan-islam/\)](https://harakahdaily.net/index.php/2020/10/23/indahnya-keluarga-gerakan-islam/)

PEMIMPIN KELUARGA



Suami & Isteri

KELUARGA ASAS

Ahli	Panggilan
bapa	ayah, bapak, abah
ibu	ibu, emak, mak, mama
anak	kakak
	abang
	adik


KELUARGA MAJMUK

Moyang lelaki	Moyang perempuan
Datuk	Nenek
Datuk saudara	Nenek saudara
Bapa	ibu
Bapa saudara	Ibu saudara
Abang	Kakak
Adik lelaki	Adik perempuan
Sepupu lelaki	Sepupu perempuan
Anak lelaki	Anak perempuan
Anak saudara lelaki	Anak saudara perempuan
Cucu lelaki	Cucu perempuan
Cucu saudara lelaki	Cucu saudara perempuan
Menantu lelaki	Menantu perempuan
Abang ipar	Kakak ipar
Adik ipar lelaki	Adik ipar perempuan

PANGGILAN ADIK-BERADIK

Ahli	Kedudukan	Panggilan
Abang	Abang sulung Abang tengah Abang Kecik Abang	Abang Long Abang Ngah Abang Cik
Kakak	Kakak Sulung Kakak tengah Kakak kecil Kakak	Kak Long Kak Ngah Kak Cik
Adik	Adik Adik Bongsu	Adik Usu

KELUARGA ASAS SAYA



“Saya mempunyai keluarga. Keluarga saya ada 6 orang ahli termasuk ibu dan bapa saya. Saya mempunyai 4 orang adik beradik iaitu abang, kakak, saya, dan adik lelaki saya. Saya sayang keluarga saya”.

PENGENALAN ADIK BERADIK SAYA

	Saya anak tunggal. Saya tidak ada adik beradik.
	Saya ada adik dan kakak tetapi tidak ada abang.
	Saya ada dua orang adik beradik iaitu saya dan abang saya.

	<p>Saya adalah anak sulung. Saya mempunyai adik lelaki dan adik perempuan.</p>
	<p>Saya adalah anak bongsu. Saya ada 2 orang kakak dan seorang abang.</p>
	<p>Saya anak ketiga daripada 5 orang adik beradik. Saya ada abang, kakak, adik lelaki dan adik perempuan.</p>

MARI BERTUTUR

Sila baca, dengar (Audio) dan tonton (Video) dengan teliti berkenaan situasi pertuturan di bawah. Seterusnya, sila berlatih bertutur semula.

Audio dan video boleh didapati dalam laman web KPBM.

**Rakaman video menggunakan sebutan tidak baku. Jadi, akan ada sedikit perbezaan dengan skrip menggunakan Bahasa baku Bahasa Melayu di bawah.*

Situasi 2.1 Cerita Keluarga Saya (Formal)

Latar tempat: Di sebuah rumah

Ahmad :	Assalamualaikum.
Azman :	Waalaikummussalam, Mad.
Ahmad :	Daripada mana ni?
Azman :	Baru balik dari kampung.
Ahmad :	Oh, baru balik dari kampung. Bagaimana keadaan keluarga awak di kampung?
Azman :	Dekat kampung, alhamdulillah. Semua sihat.
Ahmad :	Siapa keluarga awak yang tinggal di kampung?
Azman :	Oh, yang tinggal di kampung ada atuk saya, nenek, mak ayah saya, dan adik beradik sayalah.
Ahmad :	Berapa orang adik beradik awak?
Azman :	Oh, adik beradik saya ada lima orang. Saya, abang, kakak, dua orang lagi adik lelaki dan adik perempuan.
Ahmad :	Wah! Ramainya adik beradik awak.

Situasi 2.2 Memperkenalkan Keluarga saya (Tidak Formal)

Latar tempat: Di sebuah rumah

Azman :	Assalamualaikum, Hassan.
Ibu :	Waalaikummussalam, Azman.
Azman :	Silakan masuk. Terima kasihlah kerana sudi datang.
Ibu :	Terima kasih juga kerana jemput saya.
Azman :	Kenalkan ini isteri saya, Fatimah.
Ibu :	Oh, Fatimah.
Azman :	Ya, Fatimah.
Hassan :	Ini kakak saya, kak Wati.
Azman :	Oh, ini kakak.
Hassan :	Ya, kakak saya. Silalah. Jemput duduk. Ini adik saya, Syada.
Azman :	Oh, ini adik.
Hassan :	Ya, adik saya. Itu bapa saya.
Azman :	Assalamualaikum, pak cik.
Bapa Hassan :	Waalaikumussalam, jemput makan.
Azman :	Baiklah.
Hassan :	Itu abang saya, abang Man.
Azman :	Eh, bang. Saya tak nampak pula mak awak. Mak awak dekat mana?
Hassan :	Oh, mak saya dekat dapur. Jemputlah makan.
Azman :	Terima kasih.

Situasi 2.3 Perbualan dengan ibu (Gelaran dalam Keluarga)

Latar tempat: Kawasan dapur di rumah

Azman : Mak masak apa hari ni?

Ibu : Mak masak nasi goreng.

Azman : Nasi goreng? Banyaknya mak masak.

Ibu : Hari ini, atuk dan nenek sarapan di rumah.
Abang long dan kak ngah pun ada sekali.

Azman : Oh, ye ke?

Ibu : Man, tolong mak buatkan air teh.

Azman : Ya la mak, nanti Man buatkan.

Ibu : Terima kasih, Man. Nanti Man panggil ayah,
atuk, nenek, abang long dan kak ngah untuk
sarapan sekali, ya.

Azman : Nantilah Man panggilkan. Man pergi buat air
dulu.

LATIHAN

Latihan 1

1. Sebut suku kata di bawah dengan betul.

1. ba + pa

2. i + bu

3. ka + kak

4. a + bang

5. a + dik

Latihan 2


Susun semula huruf di bawah menjadi perkataan yang bermakna.

<p>1. b n a a g → <u>abang</u></p> <p>2. u b i → _____</p> <p>3. a p b a → _____</p> <p>4. a k k a k → _____</p> <p>5. i a k d → _____</p>	<p>2. b n g u s o → _____</p> <p>3. u s l u n g → _____</p> <p>4. n g t e a h → _____</p>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------



Latihan 3

Lengkapkan carta organisasi keluarga di bawah dengan betul.



Latihan 4

Ceritakan mengenai keluarga anda!
